

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini akan dibincangkan permasalahan-permasalahan padanan bagi kata nama am, kata nama khas, ganti nama diri dan kata nama terikat.

Juga akan diutarakan pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk mengatasinya, sekali gus memberi cadangan padanan yang difikirkan sesuai.

4.1 Kata Nama Am

Untuk membincangkan permasalahan padanan dalam kes ini, mula-mula kata nama am akan dibincangkan seperti berikut:

1. Kata nama am yang ada padanannya dalam bahasa Melayu
2. Kata nama am yang tidak ada padanannya dalam dalam bahasa Melayu
3. Kata nama am pinjaman

4.1.1 Kata Nama Am yang Ada Padanannya dalam Bahasa Melayu

Mungkin ramai yang berpendapat bahawa jenis kata nama ini tidak banyak menimbulkan masalah penterjemahan, misalnya *ki* (pokok) dan *sakana* (ikan). Walaupun begitu, ada sesetengah kata nama am yang memang ada padanannya dalam bahasa Melayu tetapi dapat menimbulkan masalah kerana padanan yang biasanya digunakan tidak sesuai bagi konteks tertentu; misalnya kata nama yang ada kaitannya dengan anggota badan seperti berikut:

- 1a. *atama* - kepala
- b. *mune* - dada
- c. *koshi* - pinggang
- d. *hara* - perut
- e. *kubi* - leher

Di dalam teks, didapati padanan yang diberikan dalam (1a-e) sering mempunyai makna yang berlainan atau mendukung fungsi yang berlainan daripada makna kata nama sumbernya, misalnya contoh berikut yang dipetik daripada Teks 1(Hatsukoi):

- 2a. ... *Miyake wa hokano koto de atama ga ippai ni natta.* (lamp.1, Per.1-1)
- b. *Da ga, aite no atama no kouzou ga mattaku fukakai da to naru to....* (lamp.1, Per.1-2).

Kedua-dua penggunaan kata *atama* tidak dapat diberi kata nama **kepala** sebagai padanannya. Sebaliknya *atama* di sini adalah lebih tepat di terjemahkan sebagai **fikiran** yang bermaksud *kangae* dalam bahasa Jepun.

Sekarang perhatikan pula ayat (3a-b), untuk perkataan yang sama tetapi dalam konteks penggunaannya yang sedikit berbeza, di mana kita akan dapati perkataan *atama* telah memberi satu situasi yang melibatkan unsur-unsur budaya seperti contoh berikut yang dipetik daripada Teks 1:

3a. *Arigatou gozaimasu to atama o sageru Miyake ni mukatte ... (lamp. 1, Per. 1-3)*

b. *Harada Misako wa kuchibiru o kande atama o sageta... (lamp. 1, Per. 1-4)*

Dalam kes di atas, walaupun perkataan *atama* masih mengekalkan makna kamusnya iaitu **kepala**, tetapi yang lebih diberatkan lagi ialah keseluruhan makna ungkapan *atama o sageru* yang membawa pengertiannya yang tersendiri dalam masyarakat Jepun. *Atama o sageru*, sekiranya diterjemahkan secara literal bermaksud merendahkan kedudukan kepala atau lebih tepatnya menundukkan kepala sambil membongkokkan sedikit badan (lebih kurang 45 darjah). Bagi masyarakat Jepun, perbuatan menundukkan kepala sambil membongkokkan badan ini adalah sebagai tanda hormat mereka kepada seseorang, misalnya sebagai tanda penghargaan atau perasaan merendah diri semasa mengucapkan terima kasih atau memohon kemaafan daripada seseorang. Perbuatan ini dilakukan terutamanya apabila berhadapan dengan seseorang yang

dihormati, disanjungi dan seseorang yang lebih tinggi taraf sosialnya. Justeru itu, untuk perkataan *atama* dalam kes di atas adalah tepat diterjemahkan seperti berikut:

3a' Berhadapan dengan Miyake yang mengucapkan terima kasih sambil **menundukkan kepala dan membongkokkan badannya** tanda penghargaan....

b'. ...sambil mengetap bibirnya, dengan perasaan bersalah Misako Harada **menundukkan kepala dan membongkokkan badannya**.

Penambahan petunjuk dalam bentuk penerangan seperti **tanda penghargaan** dan **dengan perasaan bersalah** adalah penting kerana ungkapan **menundukkan kepala dan membongkokkan badan** itu bukan sekadar satu perbuatan biasa tetapi ia mempunyai pengertian tersendiri yang hanya terdapat dalam masyarakat Jepun. Dan sudah semestinya pembaca terjemahan tidak akan dapat memahami mesej yang tersirat disebalik perbuatan tersebut kerana fenomena begini adalah terlalu asing bagi mereka. Justeru itulah penerangan dalam bentuk penambahan itu penting. Perkara-perkara sebegini tidak boleh dipandang ringan, kerana ia akan memberi kesan yang agak ketara dalam aspek kefahaman pembaca kelak. Disamping itu, kita juga dapat menambahkan sedikit sebanyak pengetahuan mengenai kebudayaan Jepun kepada pembaca.

Sekarang kita perhatikan pula penggunaan perkataan kata nama *atama* dalam contoh-contoh yang dipetik daripada Teks 2 (Hyaku Ikkai me no Puropousu):

4a. *Tatsuo no atama no oku ni, Kaori no koe ga hibiita.* (lamp. 1, Per. 1-5)

b. *Jumpei wa, pekor to atama o sageta.* (lamp. 1, Per. 1-6)

Kelihatannya pendekatan yang sama (contoh teks 1) juga sesuai dalam menentukan padanan kepada kata nama *atama* untuk kes ini. Di mana perkataan *atama* dalam (4a) lebih tepat diterjemahkan sebagai:

4a'. Di sudut **fikiran** Tatsuo, kedengaran suara Kaori berbisik..

Sementara dalam (4b) perkataan *atama* membawa maksud berikut:

4b'. Tanpa diduga Jumpei dengan tiba-tiba **menundukkan kepala dan membongkokkan badannya, memberi penghormatan....**

Sekarang perhatikan pula contoh-contoh yang melibatkan penggunaan kata nama lain yang telah dipetik dari kedua-dua buah teks.

Penggunaan kata nama *mune* dalam (5a-b) seperti contoh berikut yang dipetik daripada Teks 1:

5a. *Toubun no aida, ima no hanashi wa watashi dake no mune ni shimatte oku yo!* (lamp. 1, Per. 2-1)

b. *Watashi no mune ni wa, itsu made mo itsu made mo hatsukoi no tokimeki ga nokotte iru.* (lamp. 1, Per. 2-2)

Sekiranya diberikan kata nama **dada** iaitu makna kamusnya sebagai padanan akan menghasilkan terjemahan seperti berikut:

5a'. Buat sementara waktu, biarlah perkara ini saya simpan di dalam **dada** saya seorang sahaja.

b'. Di dalam **dada** saya ini sampai bila-bila pun masih tertinggal debaran cinta pertama.

Walaupun berkemungkinan terjemahan ayat-ayat di atas boleh difahami oleh pembaca tetapi apabila diteliti secara keseluruhananya penggunaan kata nama **dada** di situ agak janggal, apatah lagi dalam sebuah novel berat seperti Hatsukoi. Malahan dalam terjemahan (5a') penyalah tafsiran mungkin berlaku akibat dari ayat yang kurang jelas. Justeru itu penulis mencadangkan terjemahan seperti berikut:

5a". Buat sementara waktu, biarlah perkara ini dalam **pengetahuan** saya seorang saja.

Di sini penulis telah mengabaikan penggunaan kata nama **dada** sebagai padanan kepada kata nama *mune* kerana ia bukanlah 'kata kunci' mesej ayat tersebut, sebaliknya penulis telah menterjemahkannya sebagai **pengetahuan** dengan mengambil kira makna keseluruhan ayat. Dengan itu ayat terjemahan tadi bukan sahaja tidak janggal malahan juga sesuai dengan gaya penulisan sebuah novel disamping mudah untuk difahami.

Sementara dalam (5b) adalah lebih tepat sekiranya kata nama *mune* diberikan kata nama **hati** sebagai padanannya kerana ia melibatkan perasaan seseorang. Di dalam bahasa Melayu, kita sering mengaitkan perasaan berdebar dengan **hati**, contohnya:

Hatinya berdebar-debar menanti panggilan telefon dari ibunya.

Justeru itu, penulis mencadangkan terjemahan (5b) seperti berikut, 5b". Debaran cinta pertama di **hati** saya ini akan terus kekal sampai bila-bila..

Perhatikan juga penggunaan kata nama *mune* dalam contoh-contoh yang di petik dari Teks 2:

- 6a. *Go jibun no mune ni kiite mitara, ikaga desu ka.*(lamp. 1,Per.2-3)
- b. *Koe o kaketai ga, mune ga omokute, nodo ga kowabatte iru.*(lamp. 1,Per.2-4)

Seperti contoh-contoh dari Teks 1 juga, penggunaan kata nama *mune* dalam kedua-dua ayat di atas tidak dapat diberikan kata nama **dada** sebagai padanannya, sebaliknya adalah lebih sejadi dengan konteksnya sekira diberikan padanan perkataan **diri** untuk (6a) dan **hati** untuk (6b).

Justeru itu terjemahan yang dicadangkan adalah seperti berikut,

- 6a'. Cuba tanya pada **diri** Encik Tatsuo sendiri, bagaimana?
- b'. Ingin memanggilnya, berat rasa **hati**, kerongkong pula seakan tersekat-sekat..

Sekarang perhatikan contoh ayat (7a-b) seperti yang dipetik daripada Teks 1:

- 7a. *...Miyake wa sono shimbunshi no waki ni, hena-henato koshi o otoshita.*(lamp. 1,Per.3-1)
- b. *Miyake wa, isu kara koshi o ukasenagara itta.*(lamp. 1,Per.3-2)

Dan contoh ayat (7c-d) yang dipetik daripada Teks 2,

- c. *Chie wa sou itte beddo no fuchi ni koshi o kake..(lamp.1,Per.3-3)*
- d. *Kounattara, ore mo, mouchotto hongoshi o irete ganbaru kana..(lamp.1,Per.3-4)*

Penggunaan kata nama *koshi* dalam 7a-c tidak sesuai untuk diberikan kata nama **pinggang** sebagai padanan berdasarkan makna literal yang dibawanya. Sebaliknya penggunaan kata nama *koshi* di sini melibatkan penggunaan bahasa kiasan di mana maknanya adalah bergantung kepada keseluruhan ungkapan. Berikut adalah terjemahan yang dicadangkan bagi ungkapan tersebut:

- 7a. *koshi o otoshita* ----- duduk
- b. *koshi o ukaseru* ----- bangun
- c. *koshi o kakeru* ----- duduk

Walaupun di bab yang lepas.(lihat 2.2) ada dibincang pendekatan yang disaran oleh Susan Bassnet-Mc Guire (Translation Studies, 1990) mengenai padanan penterjemahan yang melibatkan bahasa kiasan, di mana mereka mencadangkan supaya menggantikan bahasa kiasan bahasa sumber dengan bahasa kiasan bahasa sasaran yang paling hampir maksudnya. Namun penulis lebih gemar memberikan maksud yang dibawa ungkapan tersebut daripada menggantikan dengan bahasa kiasan yang hampir sama, kerana penulis bimbang ia akan disalah tafsirkan oleh pembaca sasaran akibat 'terjemahan kurang' kelak.

Sementara itu penggunaan kata nama *koshi* dalam (7d) pula dipertimbangkan padannya setelah mengambil kira gabungan dua perkataan iaitu *hon* + *koshi*. Ini adalah kerana dua perkataan yang digabungkan juga akan menghasilkan maksud yang tidak sama dengan maksud asalnya (makna kamus) dalam konteks ayat yang berlainan. Dalam kes ini kata nama *koshi* diterjemahkan dengan memahami keseluruhan ayat seperti berikut:

7d'. Kalau macam ni, saya pun kenalah **lebih bersungguh-sungguh lagi** berusaha.

Sekarang perhatikan pula contoh ayat 8 yang dipetik daripada Teks 1,

8a. *Toshin kara Yokohama made jibara o kitte takushii ni noru...(lamp.1,Per.4-1)*

b. *Itai, itai, ki, ki, kireta, hara ga kireta..(lamp.1,Per.4-2)*

Dan contoh ayat daripada Teks 2,

8c. *Jumpei wa tekii afureru Naoto no taido ni, shidaini hara o tatehajimeta.(lamp.1,Per.4-3)*

d. ...*yojirete shimatta no ka, hara no atari de orete ita.(lamp.1,Per.4-4)*

Apa yang dapat dilihat ialah penggunaan kata nama *hara* dalam ayat (8a &8c) melibatkan simpulan bahasa, di mana semestinya ia membawa maksud yang jauh berbeza dari maksud asalnya iaitu **perut** seperti berikut,

8a. ...*jibara* o *kitte* ---- berbelanja dengan wang sendiri (bukannya
memotong **perut** sendiri)

...*hara* o *tatsu* ---- marah (bukannya **perut** berdiri)

Sebaliknya pendekatan di atas tidak sesuai digunakan untuk ayat (8b&8d), kerana penggunaan kata nama *hara* adalah lebit tepat jika diberikan kata nama **perut** iaitu makna sebenar sebagai padanannya seperti berikut:

- 8b. *hara ga kireta* ----- **perut** tercedera
d. ...*hara no atari* ----- di bahagian **perut**

Walau bagaimana pun untuk ayat (8d), sedikit penyesuaian perlu dibuat berdasarkan konteks penggunaannya. Oleh kerana ayat ini menerangkan mengenai sebatang rokok, adalah lebih sejadi sekiranya di terjemahkan seperti berikut:

(8d) ... **bahagian tengahnya** sudah terpatah, mungkin tak sengaja terperenyok sekali agaknya.

Seperti contoh –contoh yang telah ditunjukkan di atas, penggunaan kata nama *kubi* dalam contoh-contoh berikut (9a-d) juga tidak dapat di berikan makna sebenarnya iaitu **leher** sebagai padanannya seperti yang terdapat dalam contoh ayat yang dipetik daripada Teks 1,

- 9a. *Miyake wa, atama o hatakereta kubifuri ningyou no you ni, atama o shokizami ni shouka saseta..(lamp. 1,Per.5-1)*
b. ...*kubi o tsutte shinou to omottan desu.(lamp. 1,Per.5-2)*

Dan contoh ayat yang dipetik daripada Teks 2,

- 9c. ...*kubi o kashigete iru..(lamp. 1,Per.5-3)*
d. *Tatsuo wa awatete kubi o yoko ni futta.(lamp. 1,per.5-4)*

Perkataan *kubifuri* dalam (9a) merupakan gabungan antara kata nama *kubi* dan kata kerja *furiru* (bermaksud menggeleng-geleng), justeru itu padanan

yang lebih sesuai untuk kata nama *kubi* di atas ialah **kepala** kerana yang menggeleng-menggeleng itu bukannya leher tetapi adalah kepala. Sementara ayat *kubi o tsutte* dalam (9b) pula membawa maksud **mencerut leher**, namun begitu penggunaan ayat sebegini agak kurang sesuai walaupun itulah yang dimaksudkan. Justeru itu dicadangkan terjemahan yang boleh membawa fungsi yang sama, tetapi lebih menjadi penggunaannya dalam bahasa Melayu, iaitu,

9b. Saya terfikir untuk mati dengan **menggantung diri**...

Kata nama *kubi* dalam ayat (9c-d) pula, lebih sesuai di padankan dengan perkataan **kepala** seperti berikut,

9c. *kubi o kashigete iru* ---- menelengkan **kepalanya**, kehairanan
d. *kubi o yoko ni futta* ---- menggelengkan **kepala**

Penerangan tambahan perkataan 'kehairanan' dalam (9c) perlu kerana kebiasaan masyarakat Jepun berkelakuan seolah-olah menelengkan kepalanya ketika berasa hairan. Berlainan dengan masyarakat Melayu, perasaan hairan sering dikaitkan dengan perbuatan mengerutkan kening. Fenomena yang asing sebegini (sama seperti contoh 3a-b dan 4b) memerlui penerangan tambahan supaya mesej yang ingin disampaikan itu lebih jelas.

Sementara itu, apa yang dapat penulis simpulkan di sini setelah meneliti hasil soal selidik terjemahan yang telah dijalankan, hampir kesemua di antara informan tersebut menggunakan pendekatan yang hampir sama sebagaimana yang telah penulis cadangkan, misalnya dalam contoh ayat

(3a, 3b), mereka menterjemahkan kata nama *atama* sebagai **kepala** kemudian menambah ayat *atama o sageru* adalah perbuatan tunduk kepala tanda hormat mengikut budaya masyarakat Jepun. Begitu juga halnya dalam contoh ayat (7a-c), rata-rata menterjemah kata nama *koshi* sebagai **pinggang** atau **punggung** tetapi menambah *koshi o otosu* membawa maksud **duduk** dan *koshi ukaseru* membawa maksud **bangun**. Walaupun begitu terdapat juga sedikit pencanggahan penggunaan ayat dalam menterjemah contoh ayat (9b), terjemahan yang diberi untuk kata nama *kubi* ialah leher dan ayat *kubi o tsuute* sebagai **menjerut leher**. Ayat **menjerut leher** ini walaupun menepati mesej seharusnya ia digantikan dengan **menggantung diri** kerana ia kurang sesuai digunakan dalam sebuah novel berunsur kesusasteraan. Perkara sebegini mungkin tidak disedari oleh para pensyarah ini ketika mengambil keputusan memberi padanan kerana mereka tidak berkesempatan membawa keseluruhan teks. Kesilapan tanpa disedari inilah yang sering menjadi punca berlakunya kesalahan penterjemahan. Kadang-kala kita dapat penterjemah tidak membaca keseluruhan teks terlebih dulu, sebaliknya membaca teks sambil menterjemah. Justeru itu mereka kurang peka dengan jenis, konsep serta latar belakang teks sumber yang sepatutnya diambil kira terlebih dahulu sebelum memulakan penterjemahan. Maka berlakulah penterjemahan yang menggunakan ayat-ayat kurang sesuai walaupun menepati mesejnya

4.1.1.1 Dapatan Kajian

Setelah dilihat pada contoh-contoh di atas (kata nama *atama*, *koshi*, *mune*, *hara* dan *kubi*), di dapatkan pelbagai aspek perlu di ambil kira sebelum kita mengambil keputusan memberi padanan yang difikirkan sesuai . Antara strategi-strategi atau pendekatan-pendekatan yang disarankan dalam menyelesaikan permasalahan padanan kata nama jenis ini adalah seperti berikut:

1. Mengutamakan padanan yang sesuai dengan konteks dan bukannya padanan kata demi kata.
2. Menterjemah mengikut emik bahasa Melayu tanpa mengenepikan mesej bahasa sumber.
3. Mengelakkan stail /gaya bahasa sumber selagi ianya tidak menjelaskan mesej.
4. Penerangan tambahan perlu sekiranya padanan ini melibatkan fenomena yang asing (biasanya yang melibatkan budaya sesebuah masyarakat) bagi pembaca terjemahan.

Sebenarnya inilah merupakan salah satu punca berlakunya kesalahan dalam penterjemahan.

4.1.2 Kata nama Am yang Tidak Ada Padanannya Dalam Bahasa Melayu

Kata nama jenis ini menimbulkan masalah penterjemahan kerana perbezaan bahasa (linguistik) dan kebudayaan antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Antara perbezaan tersebut, perbezaan budayalah yang sering menimbulkan masalah yang lebih rumit. Kata nama jenis ini dapat ditinjau daripada dua aspek , iaitu:

1. Kata nama am yang tidak ada padanannya dalam bahasa Melayu tetapi dapat digantikan dengan perkataan lain berdasarkan kepada fungsinya.
2. Kata nama am yang memang tidak ada padanannya dalam bahasa Melayu.

4.1.2.1 Kata nama Am yang Tidak Ada Padanannya dalam Bahasa Melayu tetapi Dapat Digantikan dengan Perkataan Lain Berdasarkan pada Fungsinya.

Perhatikan contoh ayat (10) yang dipetik daripada Teks 1,

10. *Yuugata, kyoushitsu kara dete, getabako no hou e orite iku toki..(lamp.1,Per.6-1)*

Getabako adalah gabungan dua perkataan iaitu *geta* + *bako* yang memberi makna kamusnya sebagai **kotak geta** atau **tempat menyimpan geta**. Geta

ialah sejenis alas kaki tradisional masyarakat Jepun yang menyerupai terompah yang telah digunakan sejak zaman dahulu lagi. Walau bagaimana pun penggunaan *geta* pada hari ini hanyalah pada hari-hari tertentu seperti hari-hari perayaan ataupun memakainya apabila mereka mengenakan pakaian tradisional. Orang-orang Jepun sekarang lebih selesa menggunakan jenis-jenis kasut seperti kita di Malaysia. Namun begitu perkataan *getabako* masih kekal sebagai tempat untuk menyimpan kasut. Satu kebiasaan masyarakat Jepun yang agak berbeza berbanding masyarakat lain ialah menggunakan kasut khas untuk kawasan berkerja dan persekolahan, ini bermakna kasut yang digunakan di tempat kerja atau sekolah tidak boleh digunakan untuk perjalanan pergi dan balik dari sekolah/ tempat kerja. Justeru itu *getabako* bukan sahaja terdapat di rumah-rumah malahan juga di sekolah-sekolah dan tempat-tempat kerja untuk kegunaan mereka menyimpan 'kasut luar kawasan' semasa di sekolah / tempat kerja dan menyimpan 'kasut dalam kawasan' semasa mereka pulang ke rumah. Sungguh pun dalam masyarakat Melayu, tidak ada budaya seperti itu, tetapi kita mempunyai perkataan seperti almari kasut, rak /kabinet kasut dan gerobok kasut yang boleh membawa fungsi sebagai tempat menyimpan kasut. Oleh itu untuk perkataan *getabako* dalam (10), penulis cadangkan **gerobok kasut** (lebih kecil daripada almari dan bertutup tidak seperti rak/ kabinet) sebagai padanannya. Walaupun mungkin terjemahan ini 'terjemahan kurang', tetapi pemahaman pembaca teks terjemahan tidak akan terjejas. Penterjemah juga boleh memberi nota

kaki sebagai tambahan untuk menerangkan budaya penggunaan kasut masyarakat Jepun. Sekurang-kurang dapat juga menambah pengetahuan pembaca mengenai budaya masyarakat Jepun.

Perhatikan pula contoh ayat (11) yang dipetik daripada Teks 2,

11. *Omae wa gaki no koro kara, undou demo benkyou demo..*

(*lamp. 1, Per. 6-2*)

Gaki, menurut kamus Kokugojiten (Obunsha) didefinisikan sebagai kanak-kanak yang nakal, biasanya berbadan agak besar dan kuat, berpengaruh di kalangan kanak-kanak lain yang lebih lemah dan kebiasaannya menjadi ketua di antara mereka di mana semua kanak-kanak lain akan patuh dan takut kepadanya. Sungguhpun fenomena begini ada dalam masyarakat Melayu, tetapi dalam bahasa Melayu tidak terdapat satu perkataan yang tepat yang dapat mendukung fungsi yang sama seperti perkataan *gaki* tadi. Justeru itu penulis telah mengambil pendekatan untuk mempertimbangkan konteks keseluruhan ayatnya. Dan didapati perkataan *gaki* boleh diberikan perkataan **kanak-kanak** sebagai padanannya memandangkan perkataan *gaki* sebenarnya mengutamakan maksud **kanak-kanak**. Seperti contoh di atas juga, terjemahan ini sebenarnya adalah 'terjemahan kurang', tetapi ia tidak akan menjelaskan pemahaman pembaca.

Berikut adalah beberapa contoh lain kata nama yang hampir sama dengan masalah yang diutarakan di atas seperti yang dipetik daripada Teks 1:

12. *Watashi dattara, omiso kara dashi made zembu tezukuri*
....(*lamp. 1, Per. 6-3*)

..kalaualah saya, dari **miso** (sejenis perencah dalam masakan, lihat 4.1.1.2) sampaikan **perasanya** semua akan saya buat sendiri.....

13. *Sou da. Futon ni mogurikonda ato,..(lamp.1,Per.6-4)*

Ya tak ya... selepas masuk ke dalam **selimut** pun,

Dan contoh dipetik daripada Teks 2:

14. *Futon wa kichinto tatamarete iru. Tatsuo no sugata wa nai.*
(lamp.1,Per.6-5)

Selimut berlipat rapi. **Batang hidung** Tatsuo tidak kelihatan.

15. *Atashi, oneechan no naiteiru sugata, mou mitakunai. (lamp.1,Per.6-6)*

Saya tak mau lagi melihat **keadaan** kakak yang menangis...

Dari hasil soal-selidik terjemahan juga, didapati para informan telah dapat memberikan padanan yang hampir kepada kata nama-kata nama yang tidak ada padanannya dalam bahasa Melayu berdasarkan fungsi kata nama tersebut. Misalnya dalam contoh ayat (10), para pensyarah berkenaan telah menterjemahkan kata nama *getabako* sebagai **almari kasut** atau **tempat letak kasut** berdasarkan fungsi *getabako* itu sendiri yang digunakan untuk menyimpan kasut. Begitu juga yang dapat dilihat dalam contoh ayat (11), lima daripada informan berkenaan telah memberikan padanan kata nama *gaki* sebagai **kanak-kanak**. Cuma seorang saja yang telah menterjemahkan kata nama *gaki* sebagai **zaman persekolahan** yang juga dapat diterima berdasarkan fungsinya di dalam ayat. Sementara dalam contoh ayat (11), kata nama *dashi* telah

diterjemahkan sebagai **perasa** atau **air rebusan**. Ada di antara informan berkenaan yang turut memberikan nota tambahan sebagai penerangan untuk menampung 'terjemahan kurang' pada kata nama *dashi* tadi.

4.1.2.2 Kata nama Am yang Memang Tidak Ada Padanannya dalam Bahasa Melayu.

Perhatikan contoh-contoh ayat berikut yang dipetik daripada kedua-dua buah teks secara rawak:

16. Genkan saki ni oite atta tetsusei no kabin....(lamp.1,Per.7-1)
17. Tatsuo wa [hishou] no hachimaki de atama o kitsuku shimeta...(lamp.1,Per.7-2)
18. Dakara watashi, ashita no obentou wa, reba no suteeki ni shite..(lamp.1,Per.7-3)
19. Seiso na kimono sugata,(lamp.1,Per.7-4)
20. Atarashii youfuku o kau yori mo,...(lamp.1,Per.7-5)
21. ...suruto, wafuku no bijo ga, kore mo,..(lamp.1,Per7-6)

Genkan ialah bahagian hadapan rumah termasuk pintu masuk ke rumah. Dalam konteks masyarakat Malaysia, khasnya masyarakat Melayu, bahagian hadapan dan pintu masuk rumah tidak membawa apa-apa pengertian selain daripada fungsinya iaitu sebagai salah satu jalan untuk masuk ke dalam rumah dan kebiasaannya terletak di bahagian hadapan.

Agak berlainan dengan masyarakat Melayu, masyarakat Jepun beranggapan bahawa *genkan* adalah antara bahagian terpenting yang mesti ada dalam sesebuah rumah atau bangunan. Ini ialah kerana di *genkanlah* orang Jepun menyambut tetamu sebelum membenarkannya masuk ke dalam. Di *genkan* juga mereka menghantar dan menyambut ahli keluarga yang ingin pergi dan pulang dan sebagainya. Pendek kata bagi mereka *genkan* adalah permulaan bagi sesebuah rumah atau bangunan. Justeru itu agak kurang tepat jika perkataan *genkan* diberikan padanan **pintu hadapan**. Begitu juga halnya dengan perkataan-perkataan *hachimaki*, *steeki*, *kimono*, *youfuku* serta *wafuku* yang masing-masing tidak mempunyai padanan yang tepat dalam bahasa Melayu.

Untuk menyelesaikan masalah padanan dalam contoh (16-21), strategi yang berikut telah digunakan:

1. Beri padanan kata nama berkenaan secara formal dan beri nota kaki, misalnya,

Genkan saki ni oite atta tessei no kabini...

..pasu bunga yang diperbuat daripada logam yang menjadi hiasan di **pintu hadapan**...

Genkan diterjemahkan sebagai pintu hadapan dan dalam nota kaki, diterangkan *genkan* sebagai bahagian hadapan rumah termasuk pintu masuk hadapan di mana di situlah tetamu-tetamu yang datang disambut sebelum dijemput masuk ke rumah.

*Tatsuo wa [hishou] no *hachimaki* de atama o kitsuku shimeta.*

..Tatsuo mengikat ketat kepalanya dengan **kain pengikat kepala** yang ada tertera perkataan [pasti menang]..

Hachimaki diterjemahkan sebagai **kain pengikat kepala**, dan dalam nota kaki, diterangkan maksud *hachimaki* sebagai kain (biasanya berwarna putih) yang diikat di kepala sebagai lambang semangat kesungguhan si pemakai untuk mencapai sesuatu matlamat. Dan kebiasaannya kain di bahagian dahi akan ditulis dengan perkataan *hishou* (pasti menang) atau *Nippon ichi* atau pun bulatan merah (Jepun yang unggul).

2. Gantikan dengan istilah pinjaman

Dakara watashi, ashita no obentou wa, rebaa no suteeki ni shite.

Oleh sebab itu, sebagai bekalan esok, saya bercadang untuk memasak **stik** hati..

Suteeki merupakan perkataan pinjaman dari bahasa Inggeris iaitu **steak**. Perkataan ini terus dipinjam ke bahasa Melayu, cuma sebutan dan ejaannya yang agak berlainan iaitu **stik**, mengikut sebutan bahasa Melayu.

Seiso na kimono sugata....

Berpakaian **kimono** yang cantik dan kemas

Diterjemahkan sebagai **pakaian kimono** dengan meminjam perkataan asal. Penambahan perkataan **pakaian** di depannya akan memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca.

3. Terangkan makna perkataan itu.

Atarashii youfuku o kau yorimo,....

Dari memberi **pakaian (moden/kebaratan)** baru..

Youfuku diterjemahkan sebagai pakaian yang berunsur kemodenan atau dalam kata lainnya pakaian yang mempunyai fesyen ala kebaratan seperti kemeja T, gaun, skirt, seluar dan sebagainya.

Suruto, wafuku no bijo ga, kore mo ...

Kalau begitu slicantik manis berpakaian tradisional ni.., ini pun Bertentangan dengan *youfuku*, *wafuku* ialah pakaian tradisional Jepun seperti kimono, yukata dan sebagainya.

Hasil soal-selidik juga telah menunjukkan bahawa para informan berkenaan juga menggunakan pendekatan seperti menerangkan makna kata nama tersebut seperti yang dapat dilihat dalam contoh ayat (20) dan (21) di mana kata nama *youfuku* diterjemahkan sebagai **pakaian moden** dan *wafuku* sebagai **pakaian tradisional Jepun**. Mereka turut mengekalkan perkataan *suteeki* dalam contoh ayat(18) sebagai **stik** (ejaan dalam bahasa Melayu) kerana kata nama ini ialah kata nama pinjaman yang juga telah diterima pakai dalam bahasa Melayu.

4.1.2.3 Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada contoh-contoh yang telah dibincangkan di atas, terdapat beberapa pendekatan yang difikirkan bersesuaian dalam menyelesaikan masalah kata nama yang memang tidak ada padanannya dalam bahasa Melayu, antaranya ialah,

1. Mencari satu perkataan lain yang dapat mendukung fungsi perkataan bahasa sumber tersebut. Walaupun ia adalah suatu 'terjemahan kurang' tetapi yang pentingnya ia tidak akan menjelaskan kefahaman pembaca.
2. Memberi padanan kata nama berkenaan secara formal (makna asal) berserta nota kaki sebagai penerangan tambahan.
3. Menggantikan dengan istilah pinjaman, dan sekiranya perkataan itu agak asing kepada pembaca bolehlah ditambahkan dengan perkataan lain untuk memudahkan pemahaman, misalnya:

kimono ---- **pakaian** kimono

sakura ---- **bunga** sakura

4. Menerangkan makna perkataan tersebut.

halnya dengan perkataan *wan piisu* (one piece) yang bermaksud **jenis pakaian yang bersambung** (dari bahagian atas ke bahagian bawah badan), *saakuru* (circle) yang bermaksud **persatuan** atau **kelab** di sekolah dan universiti dan *wedinggu doresu* (wedding dress) yang bermaksud **gaun pengantin**.

Sementara itu terdapat juga penggunaan kata pinjaman yang disingkatkan, Cuba lihat contoh ayat berikut :

27. Outorokku shiki denai no de, sono mama tetemono no naka ni...(lamp.1, Per.10-1)

28. Boryuumu o otoshita raji kase de..(lamp.1,Per.10-2)

Outorokku adalah singkatan daripada perkataan **automatic lock** yang membawa maksud **kunci otomatik**, sementara perkataan *raji kase* adalah singkatan dari perkataan **radio cassette** atau boleh diberikan perkataan **radio kaset** sebagai padanannya. Berlainan dengan contoh (23-26), perkataan ini masih mengekalkan makna asalnya, cuma agak sukar bagi kita untuk mencari perkataan asal memandangkan penggunaan perkataan pinjaman yang disingkatkan ini biasanya tidak digunakan dalam bahasa asal perkataan tersebut, justeru itu sebagai seorang penterjemah yang baik kita seharusnya sentiasa peka dengan perkembangan ini. Tambahan pula perkataan pinjaman semakin bertambah dari masa ke semasa

Penulis dapati dari hasil soal selidik, para informan berkenaan tidak terus menterjemahkan kata nama pinjaman berdasarkan makna asal perkataan

tersebut, sebaliknya mereka meneliti terdahulu makna yang dibawa oleh kata nama tersebut bedasarkan konteks penggunaannya. Misalnya dalam contoh ayat (25), kesemua mereka memberi padanan kata nama *saakuru* sebagai **persatuan** atau **kelab**. Mereka juga kelihatannya agak peka dengan penggunaan kata nama pinjaman ini kerana hampir kesemua sampel yang diterjemahkan mempunyai padanan yang hampir sama antara satu sama lain.

4.1.3.1 Dapatan Kajian

Secara amnya dapat diperhatikan di sini, padanan bagi setiap kata nama pinjaman perlulah dipertimbangkan berdasarkan beberapa pendekatan seperti berikut:

1. Mengutamakan padanan yang sesuai dengan konteks penggunaannya dalam bahasa sumber dan bukannya padanan yang berdasarkan makna asal yang dibawanya.
2. Sentiasa peka dengan perkembangan perkataan-perkataan pinjaman atau perkataan-perkataan yang popular (*ryuukougo*) dalam bahasa sumber (bahasa Jepun), kerana hanya dengan pengetahuan yang sedang ada sahaja tidak mungkin dapat menyelesaikan permasalahan seperti ini.

4.2 Kata nama Khas

Kata nama khas ialah nama yang digunakan untuk menyebut benda, orang, haiwan dan tempat secara khusus (*Nahu Bahasa Melayu, Arbak Othman:1989*). Justeru itu ramai yang yang berpendapat dalam penterjemahan, kata nama khas adalah sesuatu yang tidak boleh diterjemahkan atau tidak perlu diterjemahkan.

Walau bagaimanapun, sejauh manakah kebenarannya anggapan ini akan kita pastikan setelah membincangkannya. Berikut beberapa keadaan yang boleh kita dapati semasa menterjemah kata nama khas.

4.2.1 Nama Negara/Tempat

Dalam penterjemahan, biasanya nama negara/tempat dikekalk, iaitu tidak diterjemahkan. Keadaan yang sama juga akan dapat dilihat dalam penterjemahan bahasa Jepun ke bahasa Melayu, misalnya *Mareeshia* untuk **Malaysia**, *Shingapooru* untuk **Singapura** dan Amerika untuk **Amerika Syarikat**. Biasanya nama-nama negara ini dikekalkan tetapi diubah sebutannya berdasarkan sebutan dalam bahasa sasaran. Walaupun begitu terdapat juga nama-nama negara tertentu yang mempunyai nama khasnya dalam bahasa Jepun misalnya *Nihon* untuk **Jepun**, *Chuugoku* untuk **China** dan *Eikoku* untuk **England**. Dalam konteks ini pula perlulah nama-nama negara ini diterjemahkan. Dan satu perkara yang perlu diingat ialah semasa menterjemah, penterjemah mestilah menggunakan nama

yang sedia ada dalam bahasa Melayu, contohnya *Furansu*, walaupun penggunaannya dikekalkan berdasarkan sebutan bahasa Inggeris iaitu **France**, ia mestilah diterjemah ke nama yang sedia ada dalam bahasa Melayu iaitu **Peranchis**.

Sementara itu perhatikan contoh-contoh nama negara/tempat yang telah dipetik dari kedua-dua buah novel:

Contoh yang dipetik daripada Teks 1:

29. *Itarian resutoran, Eikokusei, Saitamaken, Nagurimura dan Hanno machi* dapat diberikan padanan dengan **restoran Itali, buatan England, daerah Saitama, kampung Naguri dan bandar Hanno.**

Apa yang dapat dilihat di sini, hanya perkataan *Eikoku* sahaja yang di terjemahkan , sementara nama-nama negara/ tempat yang lain dikekalkan dengan ditulis mengikut ejaan dan yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Di samping itu juga kedudukan nama-nama am yang mengiringi nama-nama negara/tempat tersebut turut diubah ke hadapan supaya ia lebih bersesuaian dengan emik bahasa Melayu.

Pendekatan yang sama juga dapat digunakan untuk menterjemah nama-nama negara/tempat yang terdapat dalam contoh yang dipetik daripada Teks2:

30. *Emerarudo Hoteru dan Echuudo*

diberikan padanannya sebagai,

Hotel Emerald dan Bar Echude.

Penulis telah mengekal **Emerald** dan **Echude** berdasarkan nama Inggerisnya tanpa mengubah sebutannya ke sebutan bahasa Melayu, kerana nama-nama tersebut adalah nama khas bagi sesuatu tempat. Sementara panambahan perkataan **bar** adalah sekadar memudahkan pemahaman pembaca bahawa **Echude** itu adalah nama sebuah bar.

4.2.2 Nama Orang

Biasanya nama khas bagi orang tidak diterjemahkan. Walaupun begitu terdapat beberapa strategi yang dapat di cadangkan untuk menterjemah nama orang. (Mashudi Kader & Low Eng Beng, 1993).

1. Nama khas bagi orang misalnya, *Tanaka*, *Yamada* dan *Yamashita* dikekalkan bentuk ejaannya dan sebutannya kerana nama-nama tersebut sudah diterima umum.
2. Seterusnya nama-nama yang membawa konotasi khas dalam kebudayaan bahasa sumber pun tidak diterjemahkan. Watak-watak yang terkenal yang menjadi sebahagian daipada bahasa kiasan dalam bahasa sumber, misalnya

Momotaro – seorang pahlawan gagah yang lahir dari sebiji buah pis.

Doraemon – karektor animasi yang terkenal dengan kocek ajaibnya.

Kappa -- makhluk dua alam yang sangat hodoh.

Namun begitu, penerangan tambahan seperti nota kaki adalah perlu bagi nama khas ini kerana ianya bukan merupakan watak-watak terkenal *Don*

Juan, Romeo dan Juliet yang terkenal dan sering menjadi sebahagian daripada bahasa kiasan oleh masyarakat umum. Nama seperti *Momotaro* hanyalah diketahui oleh masyarakat Jepun sahaja.

3. Sementara nama-nama yang terdapat di dalam teks sejarah mesti di terjemahkan dengan menggunakan versi yang sudah biasa digunakan dalam bahasa Melayu, misalnya:

Arekisanda Daioo ---- Iskandar Dzulkarnain

Shishi Shin- noo ---- Richard berhati Singa

Begitu juga halnya dengan nama-nama khas yang terdapat dalam cerita kanak-kanak yang lebih sesuai diterjemahkan untuk memadankan pemahaman mereka misalnya,

Nemuri Hime ---- Puteri Beradu

Shirayuki Hime ---- Puteri Salji

Dalam *Hatsukoi* (T1) dan *Hyaku Ikkai Me no Puropousu* (T2), nama-nama watak dikekalkan kerana nama-nama tersebut akan membolehkan pembaca mengetahui tempat asal seseorang watak, disamping dapat turut merasakan suasana sebenar latar belakang novel. Dan secara tidak langsung ini akan memudahkan pembaca memahami jalan ceritanya kelak. Namun begitu sedikit penyesuaian perlu dibuat, di mana kedudukan nama keluarga diletakkan di belakang nama sipenama, mengikut cara penulisan dalam bahasa Melayu.

Justeru di dalam terjemahan, nama-nama watak akan ditukar seperti berikut:

Nama-nama watak yang dipetik daripada Teks 1:

3l. *Miyake Yasushi*

Hirahata Katsue

dicadangkan padanannya sebagai:

Yasushi Miyake

Katsue Hirahata

Sementara nama-nama watak yang dipetik daripada Teks 2, ialah:

Hoshino Tatsuo

Yasui Kaori

dicadangkan padanannya sebagai:

Tatsuo Hoshino

Kaori Yasui

4.2.3 Nama Panggilan/Gelaran

Di dalam bahasa Jepun penggunaan nama panggilan bergantung penuh kepada tinggi rendahnya kedudukan sifemanggil dan yang kena panggil, disamping mempertimbangkan juga tahap kesopanan. Walaupun begitu terdapat dua nama panggilan yang begitu luas penggunaannya, iaitu:

~san ialah penambahan yang dibuat pada akhiran nama, jawatan dan perkerjaan yang bermakna encik, puan, tuan, cik dan sebagainya tanpa mengira darjat dan pangkat.

~sama mempunyai fungsi yang sama seperti ~san, cuma penggunaannya adalah lebih sopan, contohnya:

Satou san yang bermakna **Encik Satou**

Buchou san yang bermakna **Tuan Pengurus**

Kotaishi sama yang bermakna **Yang Mulia Raja Muda/ Putera Mahkota**

Terjemahan yang melibatkan nama panggilan biasanya menggunakan pendekatan yang mempertimbangkan kesesuaian bahasa sasaran.

Berikut perhatikan contoh-contoh yang telah dipetik daripada Teks 1 yang perlu diubah suai mengikut kesesuaian masyarakat Melayu:

32a. *Chotto matta Miyake kun.*(lamp. 1,Per.11-1)

b. *Oi, sugu ni henji ga nakatta no de..*(lamp. 1,Per.11-2)

c. *A..anata, gomennasai, oshigotochuu ni...*(lamp. 1,Per.11-3)

Penambahan ~kun dalam (31a), membawa fungsi yang sama seperti penambahan ~san iaitu memberi makna **encik**, cuma penggunaannya yang agak terhad, di mana ~kun digunakan kepada mereka yang lebih rendah kedudukannya daripada sipemanggil. Dalam kes di atas Miyake adalah orang bawahan bagi sipemanggil. Di dalam konteks masyarakat Melayu, adalah agak janggal bagi orang atasan menggunakan nama panggilan **encik** kepada orang bawahannya. Kebiasaannya panggilan

dibuat cukup dengan hanya menggunakan nama orang yang dipanggil itu sahaja.

Justeru itu dicadangkan terjemahan nama panggilan yang sesuai adalah seperti berikut:

Miyake, nanti dulu..

Sementara perkataan *oi* dalam (31b), adalah nama panggilan yang sering digunakan oleh para suami kepada isteri mereka. Mungkin nama panggilan sebegini agak kurang sopan di kacamata masyarakat Melayu terutamanya dalam hubungan suami isteri kerana panggilan 'oi' bagi masyarakat Melayu biasanya digunakan di kalangan kawan-kawan rapat sahaja., tetapi ini berbeza bagi masyarakat Jepun yang sudah menjadi kelaziman mereka menganggap panggilan sebegini melambangkan kemesraan. Justeru itu penyesuaian perlu dibuat berdasarkan keboleh terimaan para pembaca. Dalam kes di atas Miyake memanggil isterinya, jadi padanan yang lebih tepat boleh diberikan untuk perkataan *oi* ialah **Haruko**.

Manakala perkataan *anata* dalam (31c) pula, adalah nama panggilan oleh para isteri kepada suami mereka, walaupun perkataan itu sebenarnya bermaksud **awak**. Dan dalam kes di atas, Haruko memanggil suaminya. Jadi padanan yang paling tepat mengikut kesesuaian masyarakat Melayu yang boleh diberikan untuk *anata* ialah **abang**.

Sekarang perhatikan pula contoh yang dipetik daripada Teks 2,

- 33a. Aniki, shoku yoku nai no ka.(lamp. 1,per.11-4)
- b. ...kimi ga, Chie chan to iu..(lamp. 1,Per.11-5)

c. Kakari chou, unten kawarimasu yo.(lamp.1,Per.11-6)

Walaupun penggunaan nama panggilan *aniki* sebenarnya untuk menonjolkan suasana kelakian justeru sipemanggil semestinya lelaki, sementara nama panggilan ~*chan* yang menggambarkan sifat comel dan manja justeru yang dipanggil itu biasanya perempuan atau kanak-kanak dan nama panggilan *kakari chou* yang lebih formal merujuk kepada pangkat, adalah lebih tepat jika diberikan padanan **abang** untuk *aniki*, **Chie** untuk *Chie chan* dan **Encik Hoshino** untuk *Kakari chou* memandangkan ia lebih bersesuaian dan boleh diterima dalam penggunaan bahasa sasaran. Oleh yang demikian, apa yang penting bagi kes-kes di atas (32-33), penterjemahan nama-nama panggilan mestilah bersesuaian dengan teks sumber dan juga latar belakang masyarakat bahasa sasaran, disamping memberi keutamaan pada mesej teks asal.

Didapati dari hasil soal-selidik terjemahan juga, para informan berkenaan turut memastikan perkara-perkara seperti darjah dan kedudukan, hubungan antara sipemanggil dan yang kena panggil dan latar belakang masyarakat bahasa sasaran terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan memilih padanan yang sesuai. Misalnya dalam contoh (32a) dan (33b), nama panggilan *Miyake kun* dan *Chie chan* hanya diterjemahkan sebagai **Miyake** dan **Chie** saja, kerana nama panggilan ~*kun* dan ~*chan* adalah digunakan untuk orang yang lebih rendah kedudukannya daripada sipemanggil. Di dalam masyarakat Malaysia nama panggilan untuk keadaan sebegini

sememangnya tidak wujud. Para informan berkenaan juga turut menterjemahkan kata nama *anāta* sebagai **abang** berdasarkan hubungan sipemanggil dan yang kena panggil adalah suami isteri. Walau bagaimanapun mereka agak gagal untuk memberikan padanan yang tepat kepada nama panggilan *oi* kerana petikan yang iberikan berkemungkinan membataskan mereka untuk mengetahui konteks sebenar ayat tersebut.

4.2.4 Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa dalam usaha menterjemah nama khas, penterjemah perlu menyelidiki teks terlebih dahulu sebelum membuat perhitungan sama ada perlu atau tidak nama khas berkenaan diterjemahkan atau dibiarkan sahaja dalam bentuk asalnya. Jika nama khas itu mempunyai konotasi tertentu dalam dalam bahasa Jepun, maka lebih sesuai ia tidak diterjemahkan tetapi perlu ditambah dengan sedikit penerangan seperti nota kaki terutamanya bagi nama-nama khas yang mungkin hanya diketahui oleh masyarakat Jepun sahaja. Sementara bagi nama khas yang sememangnya sudah ada versi terjemahannya yang lazim digunakan dalam bahasa sasaran, maka versi terjemahan itulah yang harus digunakan. Apa yang pentingnya di sini ialah versi terjemahan itu mestilah sesuai dengan latar belakang masyarakat bahasa sasaran.

4.3 Ganti nama

Ganti nama dalam bahasa Jepun boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang besar, iaitu:

Ganti nama diri Ganti diri pertama --- *watashi*

 Ganti diri kedua --- *anata*

 Ganti diri ketiga --- *ano hito*

 Ganti diri tanya --- *dare*

Ganti nama tunjuk Benda --- *kore*

 Tempat --- *koko*

 Arah --- *kochira*

 Tanya --- *doko/ dochira/ dore*

Oleh kerana terjemahan ganti nama diri yang berkaitan dengan penggunaan mengikut makna kamus dianggap sudah diketahui umum, ia tidak akan dibincangkan di sini. Bahagian ini hanya akan membincangkan penterjemahan ganti nama diri dari sudut makna dinamis, iaitu kesesuaianya mengikut penggunaan dan konteks bahasa sasaran.

4.3.1 Ganti nama diri

Sebagaimana dalam bahasa Melayu, bahasa Jepun juga mempunyai beberapa ganti nama diri pertama dan kedua yang bergantung kepada tahap kesopanan dan situasi di mana ia digunakan.

Cuba perhatikan contoh-contoh ayat yang telah dipetik daripada Teks 1 seperti bawah:

34a. Boku wa kimi o shiranai..(lamp.1,Per.12-1)

b. Ore mo saisho wa sou to omotta yo..(lamp.1,Per.12-2)

Boku ialah gantinama diri pertama dan *kimi* ialah gantinama diri kedua yang digunakan oleh hanya kaum lelaki dalam keadaan yang tidak formal. Walaupun secara padanan terusnya, *boku* diterjemahkan sebagai **aku** dan *kimi* sebagai **engkau** tetapi untuk kes di atas (34a), Miyake telah membahasakan dirinya sebagai *boku* apabila bercakap dengan Kazue, iaitu orang yang tidak berapa dikenalinya. Adalah agak kurang sopan untuk membahasakan diri sedemikian rupa pada keadaan ini. Justeru itu untuk mendapatkan hasil terjemahan yang terbaik hendaklah berdasarkan kesesuaian di dalam bahasa Melayu, dan padanan yang difikirkan lebih sesuai untuk *boku* ialah **saya** dan *kimi* ialah **kamu**. Sementara *ore* dalam (34b), lebih sesuai diberikan **aku** sebagai padanannya kerana walaupun kelihatan agak kasar, ia bersesuaian dengan situasi di mana perbualan adalah di antara dua lelaki yang mempunyai hubungan yang rapat, apatah lagi yang membahasakan dirinya sebagai *ore* itu ialah rakan sekkerja Miyake

yang lebih senior. Justeru itu pemilihan **aku** sebagai padanan *ore* adalah lebih tepat.

Begitu juga halnya dalam contoh ayat yang telah dipetik daripada Teks 2 seperti di bawah:

35a. *Atashi, dare to mo kekkon shinai wa..(lamp. 1, Per. 12-3)*

b. *Watashi, anata ni kiite hoshikunain desu..(lamp. 1, Per. 12-4)*

Dalam (35a), *atashi* ialah ganti nama diri pertama yang bermaksud **saya** yang biasanya digunakan oleh kaum wanita dalam keadaan yang tidak formal, disamping mempunyai hubungan rapat dengan pendengar. Justeru dalam kes di atas merupakan percakapan di antara Kaori dengan adiknya Chie, adalah lebih sesuai apabila *atashi* diberikan padanan **akak**, iaitu ganti nama diri yang digunakan oleh kakak kepada adiknya dalam bahasa Melayu.

Bagi *watashi* dalam (35b), bermaksud **saya** yang digunakan dalam keadaan agak formal dan lebih sopan. Oleh kerana ia merupakan percakapan antara Kaori dan Tasshiro, walaupun tidak formal , tetapi hubungan mereka tidak rapat, jadi *watashi* di sini lebih sesuai diberikan padanan terusnya iaitu **saya** berdasarkan unsur kesopanan. Sementara ganti nama *anata* pula lebih sesuai diberikan padanan sebagai **Encik Hoshino** saja.

Selain daripada bergantung kepada tahap kesopanan dan situasi di mana ia digunakan, penggunaan gantinama diri pertama dan kedua dalam bahasa Jepun juga mengambil kira faktor jantina sipenturnya. Misalnya

ore dan *boku* hanya digunakan oleh kaum lelaki sahaja. Ini bermakna ganti nama diri aku ataupun engkau tidak mungkin ada dalam percakapan kaum wanita masyarakat Jepun. Oleh itu sebagai seorang penterjemah yang bijak seharusnya kita meniliti dalam segala aspek terlebih dahulu baik dalam konteks penggunaan bahasa sasaran maupun konteks penggunaan bahasa sumber sebelum memilih padanan yang sesuai.

Ada satu lagi situasi yang dapat kita perhatikan mengenai penggunaan ganti nama diri pertama dan kedua ialah di mana di dalam perbualan sering kali dielakkan penggunaannya.

Cuba lihat contoh-contoh ayat yang telah dipetik daripada kedua-dua Tekst seperti berikut:

36a. *Ima (kimi wa) doko ni irun da.* (*lamp. 1, Per. 13-1*)

b. *Wakkai yo, (boku wa)(kanojo no) imouto to tamatama de attara..* (*lamp. 1, Per. 13-2*)

Di dalam penterjemahan ganti nama diri yang telah diabaikan penggunaannya (dalam kurungan) perlu diterjemahkan, supaya ayat terjemahan yang dihasilkan nanti akan mudah difahami. Justeru itu terjemahan yang dicadangkan ialah,

36a'. Di mana **kamu** sekarang...

b'. Tak tahu lah.. kebetulan **saya** jumpa dengan adik **dia**,

Sementara itu untuk penggunaan gantinama diri ketiga selain daripada mengambil kira tahap kesopanan dan situasi di mana ia digunakan, penggunaannya juga bergantung kepada jarak di mana penutur dan

pendengar berada. Disamping itu, ia juga bergantung kepada samada ianya rujukan yang dimaklumkan bersama oleh penutur dan pendengar atau rujukan yang dimaklumkan pendengar atau penutur sahaja.

Cuba lihat contoh ayat yang telah dipetik daripada Teks 1 seperti dibawah:

37a. *Ano hito ni suterarete kara juu roku nen kan...*(lamp. 1,Per.14-1)

b. *Sono onna no hito, hontou ni Miyake no tsuma da to itta no kai.*(lamp. 1,Per.14-2)

Ano hito bermakna orang ketiga yang berada jauh dari penutur dan pendengar tetapi dimaklumkan bersama, sementara *sono onna no hito* bermakna orang ketiga (perempuan) berada dimana rujukan ada pengetahuan pendengar. Sekiranya diberikan padanan terus gantinama diri *ano hito* akan menjadi **orang itu** dan *sono onna no hito* akan menjadi **orang perempuan itu**. Walaupun makna yang diberikan adalah tepat tetapi penulis dapati sedikit penyesuaian perlu dibuat pada penggunaan ganti nama diri ke tiga ini supaya ayat terjemahan yang dihasilkan tidak begitu janggal. Justeru itu, penulis mencadangkan gantinama diri **nya** (37a) dan **perempuan tu** (37b) sebagai padanannya seperti di bawah:

37a'. Sejak ditinggalkannya enam belas tahun yang lalu...

b'. Betulkah yang **perempuan tu** kata yang dia adalah isteri Encik Miyake

Walaupu ia adalah satu 'terjemahan kurang', ayat yang dihasilkan adalah lebih jelas dan bersesuaian sebagai ayat dalam sebuah novel.

Perkataan yang bermaksud dia (he/she) dan mereka (they) secara lebih spesifik tidak terdapat dalam bahasa Jepun lama (Thaiyibah & Yokokami, 1997).

Tetapi dalam abad kebelakangan ini, akibat pengaruh dari bahasa Inggeris terdapat perkataan seperti:

kare (dia-lelaki), *kanojo* (dia-perempuan), *karera* (mereka-lelaki) dan *kanojotachi* (mereka-perempuan).

Walau bagaimanapun perlu diingatkan di sini, penggunaan gantinama diri *kare* dan *kanojo* juga membawa makna yang lain seperti di atas.

Lihat contoh-contoh ayat yang telah dipetik daripada kedua-dua buah Teks seperti di bawah:

38a. Kareshi ga kekkon suru mae dattara..(lamp1,Per.15-1)

b. Daigakusei no Tasshiro ni kanojo ga inai no ni....(lamp. 1,Per.15-2)

Kareshi dalam (38a) membawa maksud **teman lelaki (kekasih)**, sementara *kanojo* dalam (38b) pula bermaksud **teman wanita (kekasih)**.

Terdapat juga beberapa gantinama ketiga yang lain dari yang di atas yang digunakan dalam kedua-dua teks iaitu yatsu, koitsu, aitsu dan doitsu.

Penggunaan gantinama diri ini boleh digunakan samada pada orang ataupun benda. Seperti gantinama diri yang lain penggunaannya bergantung kepada jarak antara penutur dan pendengar dengan orang ketiga. Walaupun ianya agak kasar, ia juga sebenarnya menggambarkan keakraban antara penutur dan orang ketiga.

Lihat contoh-contoh ayat berikut yang telah dipetik daripada kedua-dua Teks:

39a. *Ohazukashii kagiri toiu yatsu da yo.* (lamp.1,Per.16-1)

b. *Doitsu mo koitsu mo ii yatsu nan da ke do....*(lamp.1,Per.16-2)

c.*Aitsu wa, ima demo sono otoko no koto o wasurarenain desu yo.*
(lamp.1,Per.16-3)

d.*Nanda, koitsu.* (lamp.1,per.16-4)

Walaupun padanan terusnya adalah **dia** ataupun **ia**, dalam kes di atas (39a-d), terjemahan dinamis adalah lebih sesuai digunakan.

39a'. Perbuatannya cukup untuk memalukan saya

b'. **Mereka semuanya** baik-baik belaka, pun begitu....

c'. Sehingga kini **Kaori** masih tak dapat melupakan lelaki itu...

d'. Eh, apa **dia** ni.

4.3.2 Ganti nama Tunjuk

Dalam bahasa Jepun, ganti nama tunjuk terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ganti nama untuk menunjukkan benda (*kore*, *sore* dan *are*), gantinama untuk menunjukkan tempat (*koko*, *soko* dan *asoko*) dan gantinama menunjukkan arah (*kochira*, *sochira* dan *achira*). Penggunaannya bergantung kepada jarak penutur dan pendengar dengan perkara yang dibincangkan. (Thaiyibah dan Yoko Kami, 1997)

Perhatikan contoh-contoh ayat berikut yang telah dipetik daripada kedua-dua buah Teks:

- 40a. Koko made narasareru to, karoyaka na utsukushii hibiki da to omotte
iru beru no onshoku ga....(lamp.1,Per.17-1)
- b. Ja, sotchi kara itte kure, (lamp1,Per.17-2)
- c. Sore o damatte mite ita Kaori wa, ..(lamp.1,Per.17-3)
- d. Kore ga saigo desu. (lamp.1,Per.17-4)

Daripada contoh-contoh di atas, tidak dapat diberikan padanan seperti **ini**, **itu**, **di sini**, **di sana** dan sebagainya bagi gantinama tunjuk, sebaliknya menterjemahkannya berdasarkan terjemahan dinamis, yang semesti bersesuaian penggunaannya dalam bahasa Melayu,

40a'. Kalau **beginilah** deringannya, bunyi yang suatu masa dulu disangkakan begitu merdu dan sedap didengar,

- b'. Kalau macam tu, biar **kamu** yang cakap dulu....
- c'. Kaori yang membisu memerhatikannya...
- d'. **Ini** kali yang terakhir ,

Dalam menterjemahkan ganti nama-ganti nama, baik ganti nama diri mau pun ganti nama tunjuk, dari hasil soal-selidik terjemahan didapati para informan tidak mengambil sikap menterjemah secara membata tuli. Sebaliknya mereka menterjemah setelah mengambil kira pelbagai aspek misalnya dalam contoh ayat (34b), *ore* diberikan padanan sebagai **aku**.

kerana yang membahasakan diri itu ialah orang lelaki kepada orang yang lebih rendah taraf sosialnya. Cuma terdapat sedikit kekurangan dalam penterjemahan contoh ayat (35a), perkataan *atashi* kurang sesuai diterjemahkan sebagai **saya** memandangkan perbualan itu adalah antara kakak dan adik, dan yang membahasakan diri itu pula ialah sikakak. Ini berlaku mungkin kerana petikan yang diberikan membataskan mereka untuk mengetahui situasi sebenar ayat.

4.3.3 Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa dalam usaha menterjemahkan ganti nama diri, perkara yang berikut perlu dimantapkan.

1. Menimbangkan konteks yang meliputi taraf sosial, darjah rapat tidaknya hubungan antara pihak-pihak yang terbabit, suasana persekitaran (termasuk jarak antara penutur dan pendengar dengan orang ketiga dan jarak antara penutur dan pendengar dengan perkara yang dibicarakan) dan topik yang terbabit.
2. Mengikut cara penggunaan ganti nama dalam bahasa Melayu dan tidak menukarkan ganti nama bahasa Jepun dengan ganti nama bahasa Melayu secara padanan terus.

4.4 Kata nama Terikat

Terdapat satu lagi golongan kata nama yang ingin penulis bincangkan iaitu kata nama terikat. Kata nama terikat ini agak istimewa kerana ia tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Dari segi bentuk dan makna, terdapat sedikit perbezaan dengan definisi kata nama yang lain. Oleh kerana dari segi fungsi nahu, jenis kata ini sama dengan kata nama, ia digolongkan kepada kata nama. Di samping itu, jenis kata nama ini bezanya dengan kata nama yang lain ialah ia tidak boleh digunakan secara bebas. Ia biasanya didahului oleh kata, frasa atau klausa yang mempunyai unsur penerang. Berikut adalah beberapa contoh kata nama terikat yang sering digunakan,

koto perkara, fakta, hala, masalah dan nominalizer

toki semasa, sewaktu, apabila

tokoro baru sahaja (bagi menerangkan sesuatu perbuatan)

aida sewaktu

uchi sebelum atau sementara

Perhatikan pula contoh-contoh ayat yang menggunakan kata nama terikat yang telah dipetik daripada Teks 1 seperti di bawah:

41a. *Choudo yoru no nyuusu o yatte iru tokoro datta.* (lamp. 1, Per. 18-1)

b. *Aomuke ni taoreta tokoro o, kao kara nodo ni kakete,* (lamp. 1, Per. 7-1)

Tokoro dalam ayat (41a-b) tidak dapat diterjemah secara terus dengan makna yang dibawa, sebaliknya perlu diteliti terlebih dahulu fungsi serta bentuk golongan kata sebelumnya. Seterusnya diterjemahkan mengikut kesesuaian bahasa sasaran. Terjemahan yang dicadangkan adalah seperti berikut,

41a'. Kebetulan tepat pada waktu berita malam **sedang** disiarkan

b'. Sementara mayat yang **dalam keadaan** terlentang itu kelihatan dari bahagian muka ke leher....

Begini juga halnya dengan contoh-contoh kata nama terikat *koto* yang dipetik daripda Teks 2 seperti berikut:

42a. *Sonna kimi ga ayamaru koto wa nai wa yo.* (lamp. 1,per.18-3)

b. *Manabe-san no koto to, Kaori no kore kara no koto.*

(lamp. 1,per. 18-4)

Dalam (42a), *koto* sebenarnya bertugas sebagai nominalizer di mana kewujudannya untuk menukar ayat kepada bentuk frasa nama atau klausa nama, sebaliknya dalam (42b), *koto* membawa fungsi sebagai salah satu daripada kata nama am di mana *koto* diberikan padanan sebagai **hal**.

42a'. Kamu tidak perlulah meminta maaf.

b'. Ini berkaitan dengan **hal** Encik Manabe dan **hal** masa depan Kaori

Apa yang didapati dari hasil soal selidik, tidak banyak bezanya daripada yang telah penulis utarakan. Para informan didapati mahir dalam menterjemahkan kata nama terikat . Mereka telah mengambil kira fungsi

sesuatu kata nama terikat itu terlebih dahulu sebelum menterjemahkannya. Misalnya dalam contoh ayat (41b) *koto* telah diberikan padanan sebagai hal ber sesuaian dengan fungsinya

4.4.1 Dapatan Kajian

Daripada contoh-contoh yang telah dibincangkan di atas, dapat disimpulkan di sini bahawa kata nama terikat tidak dapat diterjemahkan secara terus sebaliknya perlu diambil beberapa langkah seperti berikut,

1. Sebelum menterjemah, perlu diteliti dahulu jenis dan bentuk golongan kata yang terdapat sebelum kata nama terikat tersebut.
2. Penterjemah perlu mahir dengan fungsi-fungsi yang dibawa oleh kata nama terikat tersebut.
3. Terjemahan perlulah dilakukan setelah mengambil kira konteks penggunaannya dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran. Dan terjemahlah dengan menggunakan bahasa yang mudah dan jelas.

4.5 Penutup

Jelaslah kepada kita bahawa kerja-kerja penterjemahan bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Banyak perkara yang perlu diambil kira baik dari hal-hal yang bersangkutan dengan ilmu linguistik mau pun hal-hal yang lain daripadanya seperti budaya masyarakat dan sebagainya. Tidak cukup dengan hanya sekadar menguasai satu-satu bahasa sahaja, kita sudah boleh mengaku mampu melakukan kerja-kerja penterjemahan. Selain daripada pengetahuan mengenai selok-belok bahasa sumber dan bahasa sasaran, tidak kurang pentingnya ialah seseorang penterjemah itu seharusnya mahir dan memahami akan teori-teori penterjemahan itu sendiri supaya dapat dijadikan garis panduan dalam kerja-kerjanya nanti. Disamping itu, penterjemah juga digalakkan untuk mengambil tahu serba-sedikit mengenai bidang sesuatu teks yang akan diterjemahkannya. Namun begitu dengan paengetahuan seperti ini pun , belum pasti seseorang penterjemah itu dapat menghasilkan terjemahan yang bermutu.